

## **JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), proses mengenai kematian tahanan di bawah jagaan jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan ini dijelaskan secara terperinci dalam Bab XXXII Kanun Prosedur Jenayah. Seksyen 334 dengan jelas menerangkan bahawa apabila seseorang mati semasa dalam tahanan polis atau dalam hospital psikiatrik ataupun di dalam penjara, pegawai yang menjaga orang itu atau yang bertanggungjawab bagi hospital psikiatrik atau penjara itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dengan segera memberitahu Majistret yang terdekat tentang kematian itu. Seterusnya Majistret itu atau Majistret yang lain hendaklah dalam keadaan di mana kematian itu berlaku dalam tahanan polis dan dalam keadaan yang lain, bolehlah jika dia berfikir patut, mengadakan suatu siasatan mengenai sebab kematian.**

**Bagi menjawab soalan (b), keperluan menjalankan autopsi juga dijelaskan dalam Bab XXXII Kanun Prosedur Jenayah. Mengikut Seksyen 335 (2), seorang Majistret yang menjalankan suatu siasatan jika dia berpendapat mayat si mati itu patut diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan untuk mendapat tahu sebab-sebab kematian itu, boleh mengeluarkan perintah kepada seorang Pegawai Perubatan untuk menjalankan pemeriksaan post mortem ke atas mayat itu, dan boleh untuk tujuan itu memerintahkan supaya mayat yang telah dikebumikan digali semula.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN M. KULA  
SEGARAN A/L V. MURUGESON [ IPOH BARAT ]**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak Kerajaan membayar ganti rugi kepada orang yang didakwa akibat saman kecuaiian. Agensi mana yang memberi sumbangan terbesar dalam tempoh lima tahun yang lalu.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membayar sebanyak RM421,295,657.21 kepada plaintif iaitu pihak yang menuntut ganti rugi dalam saman kecuaiian bagi tempoh antara tahun 2012 hingga 2016.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN M. KULA SEGARAN A/L V.  
MURUGESON  
[ IPOH BARAT ]**

**SOALAN :-**

**YB Tuan M. Kula Segaran A/L V. Murugeson [ Ipoh Barat ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah permohonan untuk lanjutan masa yang diterima daripada pemaju perumahan yang tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Berapa yang telah diluluskan dan sebab-sebabnya.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan dan kelulusan-kelulusan pindaan perjanjian jual beli bagi melanjutkan tempoh serahan milikan kosong (EOT) dipertimbangkan berdasarkan kepada kuasa yang diberikan kepada Pengawal Perumahan di bawah Peraturan 11(3), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Akta 118.

Dari Jun 2014 sehingga 20 Februari 2017, Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah menerima sebanyak 361 permohonan pindaan perjanjian jual beli bagi melanjutkan tempoh serahan milikan kosong dan penyiapan kemudahan bersama di bawah Peraturan 11(3), Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) Akta 118. Dari jumlah tersebut, sebanyak 291 permohonan telah diluluskan, manakala baki sebanyak 70 permohonan telah ditolak oleh Pengawal/Timbangan Pengawal Perumahan.

Dalam pada itu, bagi tempoh yang sama JPN telah menerima sebanyak 19 permohonan rayuan yang dikemukakan kepada YB Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (kawalan dan Pelesenan) Akta 118, di mana YB Menteri telah mempertimbang dan meluluskan 3 permohonan tanpa syarat, 3 permohonan bersyarat dengan kelulusan pembeli dan 7 permohonan bersyarat memaklumkan pembeli. Baki sebanyak 6 permohonan telah ditolak oleh YB Menteri KPKT.

Merujuk kepada Peraturan 12, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989, Akta 118 pula menjelaskan bahawa:

“Walau apa pun yang berlawanan dalam Peraturan-Peraturan ini, seseorang yang terkilang dengan keputusan Pengawal di bawah perenggan 3(3), perenggan 4(1), perenggan 5(4), perenggan 9(2) atau perenggan 11(3), boleh dalam tempoh empat belas (14) hari selepas ia diberitahu mengenai keputusan boleh merayu terhadap keputusan Pengawal itu, merayu terhadap keputusan tersebut kepada Menteri; dan keputusan Menteri di atas rayuan itu adalah muktamad dan tidak boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah”

Subfasa ini menerangkan bahawa 'seseorang' membawa maksud sama ada pembeli atau pemaju boleh membuat rayuan terhadap keputusan Pengawal kepada YB Menteri KPKT. Ini bermakna, pembeli yang terkesan dengan keputusan Pengawal Perumahan juga boleh dan turut diberikan peluang membuat rayuan kepada YB Menteri KPKT bagi menyemak semula keputusan yang dibuat oleh Pengawal Perumahan.

Peraturan ini mewujudkan keadaan '*check and balance*' terhadap keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak Kementerian terutamanya apabila melibatkan kepentingan pembeli-pembeli rumah. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes-kes di mana permohonan rayuan diluluskan di bawah Peraturan 12, Peraturan 1989 kepada pihak pemaju terutamanya melibatkan projek-projek yang bermasalah.

Bagi projek-projek yang bermasalah pula, Kementerian mengambil beberapa pertimbangan tambahan seperti berikut:

- i. kemampuan pemaju untuk menyiapkan projek berkenaan berdasarkan kepada aliran tunai semasa bagi projek tersebut;
- ii. jumlah pembeli yang terlibat;

- iii. jumlah bayaran pampasan yang harus dibayar;
- iv. kecenderungan projek terbengkalai; dan
- v. lain-lain alasan teknikal yang berkaitan dengan pemajuan projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, objektif Kementerian mempertimbangkan permohonan lanjutan tempoh serahan milikan kosong adalah untuk memastikan projek dapat disiapkan dan diserahkan kepada pembeli. Oleh yang demikian, dalam sesuatu keadaan bagi mana-mana projek bermasalah yang cenderung untuk terbengkalai mempunyai keperluan diluluskan lanjutan tempoh serahan milikan kosong, namun tertakluk kepada syarat pertimbangan keadaan khas seperti berikut:

- a. kejadian bencana alam;
- b. sekatan/halangan pemajuan;
- c. skala projek yang dimajukan;
- d. ketinggian bangunan yang dibina;
- e. ciri-ciri binaan;
- f. saiz tapak pemajuan;

- g. lokasi tapak projek;
- h. pembinaan infrastruktur mengikut kehendak kebenaran merancang (KM); dan
- i. lain-lain alasan teknikal yang berkaitan dengan pemajuan projek.

Sehubungan itu, pertimbangan bagi meluluskan lanjutan tempoh serahan milikan kosong melalui peruntukkan 11(3) dan Peraturan 12, Peraturan 1989 (Akta 118), adalah bagi memastikan projek-projek yang berdepan dengan risiko terbengkalai dapat diselamatkan dan diserahkan kepada kepada pembeli. Ini bagi memastikan pembeli tidak akan menghadapi kesusahan untuk menanggung bayaran pinjaman bagi rumah yang tidak siap atau terbengkalai kerana penyelesaian projek yang sudah terbengkalai adalah lebih rumit dan mungkin memakan masa yang lebih lama untuk diselesaikan.

Mengikut pengalaman pihak Kementerian, pemulihan projek terbengkalai mengambil masa di antara 5 hingga melebihi 10 tahun untuk disiapkan. Selain itu, ada juga kes-kes projek terbengkalai tidak dapat diselesaikan



kerana masalah dana dan ketiadaan pihak-pihak swasta tampil untuk membantu memulihkan projek terbengkalai.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**

**SOALAN : NO. 243**

**Dato' Sri Hasan Bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan pendeposit SSPN-i sehingga kini dan apakah keistimewaan yang diperolehi melalui penabungan dalam SSPN-i.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2016, sebanyak 2,735,446 akaun SSPN-i telah dibuka dengan nilai keseluruhan deposit berjumlah RM2,626.24 juta. Pencapaian ini didorong oleh kesedaran yang semakin meningkat di kalangan masyarakat tentang kepentingan menabung untuk masa depan pendidikan anak-anak dan mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman pendidikan apabila anak-anak melangkah ke peringkat pendidikan tertiar kelak. Selain daripada itu, keistimewaan SSPN-i juga menjadi faktor penting yang menjadi pilihan utama para ibu bapa dan penjaga di dalam membuat simpanan pendidikan anak-anak. Antara keistimewaan SSPN-i ini adalah seperti berikut;

- (a) Kadar dividen yang kompetitif dan dikecualikan daripada cukai pendapatan;

- (b) Pelepasan taksiran cukai ke atas simpanan bersih tahun semasa hingga RM6,000 setahun;
- (c) Perlindungan takaful secara percuma ke atas pendeposit yang mempunyai simpanan RM1,000 dan ke atas;
- (d) Pemberian Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak;
- (e) Simpanan mudah dan dijamin oleh Kerajaan; dan
- (f) Layak memohon pinjaman pendidikan PTPTN.